




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

27 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 342 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 246,754 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 136 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 238,521 orang. Manakala 748 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 370 orang di hospital, 367 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 11 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 18 orang merangkumi 17 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 10 (16.13%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Lahad Datu dan Sipitang berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 18 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Negeri Sabah meneruskan trend peningkatan dengan mencatatkan 342 kes baharu, pertambahan 7 kes berbanding semalam.
- b. Jangkitan baharu pada jumlah yang agak tinggi di setiap daerah agak membimbangkan dengan enam (6) daerah mencatatkan jumlah kes baharu yang tinggi, iaitu Kota Kinabalu 60 kes (+20), Sandakan 40 kes (+7), Kota Marudu 34 kes (-30), Beaufort 34 kes (+20), Tuaran 33 kes (-7) dan Putatan 24 kes (+16). Secara keseluruhan, 11 daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka, 10 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan enam (6) daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Pada hari ini, sebanyak 38 kes atau 11.11% adalah angka yang disumbangkan melalui saringan kluster. Kesemua kes tersebut datang daripada tujuh (7) kluster aktif, dengan tiga (3) daripadanya adalah merupakan kluster baharu.
- d. Satu (1) kluster institusi pendidikan yang baharu, Kluster Jalan Kiulu diisytiharkan di Tuaran. Indeks kes adalah seorang pelajar SMK Tun Fuad, Kiulu yang berumur 14 tahun yang mula bergejala pada 17 Januari 2022. Indeks kes kemudiannya menjalani ujian RT PCR di klinik berdekatan dan didapati positif. Saringan Kontak Rapat kemudiannya dijalankan dan mendapati seramai 14 orang lagi positif. Punca jangkitan dan perebakan masih lagi dalam siasatan namun pihak JKNS membuat kesimpulan awal ia berpunca dari pergaulan dalam asrama. Kesemua pelajar yang terlibat adalah dalam Kategori 1 & 2, dan telah diasingkan serta dirawat sewajarnya.

- e. Kluster institusi pendidikan juga terdeteksi di Keningau yang dikenali sebagai Kluster Puri Seberang Keningau. Indeks kes adalah seorang pelajar perempuan Tingkatan 5 SMK Keningau 1 yang berumur 18 tahun. Pelajar mula bergejala pada 20 Januari 2022 namun hanya memaklumkan kepada pihak sekolah pada 26 Januari 2022. Pihak sekolah kemudiannya menjalankan ujian sendiri ke atas beberapa orang pelajar lagi dan 18 pelajar didapati positif. Susulan insiden berkenaan, ujian pengesanan RT PCR dijalankan dan mendapati 19 pelajar positif. Kesemua pelajar tersebut adalah dalam Kategori 1 & 2, dan telah diasing serta dirawat sewajarnya.
- f. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan juga terdeteksi di Lahad Datu yang dikenali sebagai Kluster Jalan Terusan. Indeks kes bagi kluster ini ialah seorang pelajar Tingkatan 1 Asrama SMK Terusan, berumur 13 tahun. Indeks kes tersebut mula bergejala pada 20 Januari 2022 yang kemudiannya memaklumkan kepada pihak sekolah pada 23 Januari 2022 dan terus menjalani ujian saringan di Klinik Lahad Datu pada hari yang sama. Indeks disahkan positif melalui ujian RTK Ag. Saringan Kontak Rapat kemudiannya dijalankan dan jumlah kumulatif positif kluster setakat ini ialah 10 orang. Kesemua yang terlibat adalah dalam Kategori 1 & 2 dan telah dirawat sewajarnya.
- g. Sebanyak 336 daripada 342 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, dua (2) kes dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan tiada kes dilaporkan dalam Kategori 5.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (162) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	38	11.11%
2	Kontak	162	47.37%
3	Bergejala	106	30.99%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	36	10.52%
JUMLAH		342	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (26 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 26/01/2022	Catatan Kes 27/01/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	40	60	+20
2	Beaufort	14	34	+20
3	Putatan	8	24	+16
4	Sipitang	0	7	+7
5	Sandakan	34	40	+6
6	Tawau	13	19	+6
7	Lahad Datu	2	8	+6
8	Papar	15	18	+3
3	Kunak	1	4	+3
10	Kudat	0	2	+2
11	Tambunan	0	2	+2
12	Kinabatangan	2	3	+1
13	Keningau	13	13	Mendatar
14	Tenom	3	3	Mendatar
15	Pitas	1	1	Mendatar
16	Nabawan	0	0	Mendatar
17	Kalabakan	0	0	Mendatar
18	Semporna	0	0	Mendatar
19	Tongod	0	0	Mendatar
20	Kota Marudu	64	34	-30
21	Penampang	41	19	-22
22	Ranau	22	10	-12
23	Tuaran	40	33	-7
24	Kota Belud	12	6	-6
25	Beluran	6	2	-4
26	Kuala Penyu	3	0	-3
27	Telupid	1	0	-1
JUMLAH		335	342	+7

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (13 Januari – 26 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	27	17	0	16	60	586
Sandakan	9	12	18	0	1	40	329
Kota Marudu	0	29	4	0	1	34	196
Beaufort	2	22	9	0	1	34	172
Tuaran	3	23	5	0	2	33	329
Putatan	0	14	10	0	0	24	142
Penampang	0	11	7	0	1	19	319
Tawau	13	0	5	0	1	19	112
Papar	0	11	7	0	0	18	202
Keningau	9	2	1	0	1	13	104
Ranau	0	3	2	0	5	10	184
Lahad Datu	2	2	2	0	2	8	44
Sipitang	0	0	7	0	0	7	43
Kota Belud	0	1	4	0	1	6	106
Kunak	0	2	2	0	0	4	12
Tenom	0	2	1	0	0	3	52
Kinabatangan	0	0	2	0	1	3	68
Beluran	0	0	2	0	0	2	33
Tambunan	0	1	1	0	0	2	70
Kudat	0	0	0	0	2	2	12
Pitas	0	0	0	0	1	1	13
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	43
Telupid	0	0	0	0	0	0	13
Tongod	0	0	0	0	0	0	5
Semporna	0	0	0	0	0	0	6
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	4
Nabawan	0	0	0	0	0	0	2
JUMLAH	38	162	106	0	36	342	3,201

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	9
Beaufort	Kluster Jalan Binunuk	1
	Kluster Montenior	1
Keningau	Kluster Puri Seberang Keningau	9
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	13
Tuaran	Kluster Jalan Kiulu	3
Lahad Datu	Kluster Jalan Terusan	2
Jumlah		38

- 6 Terdapat **tiga (3) kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Jalan Terusan - Lahad Datu** merupakan kluster jenis institusi pendidikan kerana penularan wabak COVID-19 melibatkan pelajar di Asrama SMK Terusan. Kes indeks adalah lelaki, 13, pelajar Tingkatan 1 di SMK Terusan yang mula bergejala sejak 20 Januari 2022, kemudian disahkan positif RTK AG selepas menjalani saringan di Klinik Kesihatan Lahad Datu pada 23 Januari 2022. Saringan susulan terhadap rakan sekelas dan rakan seasrama menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 10 kes. Semua pelajar yang positif dikategorikan sebagai bergejala ringan (Kategori 1 dan 2) dan telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya.

- ii **Kluster Jalan Kiulu – Tuaran** melibatkan para pelajar di SMK Tun Fuad di mukim Kiulu, daerah Tuaran sekali gus dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kes indeks ialah pelajar lelaki, 14, yang disahkan positif COVID-19 ketika menjalani ujian RT PCR 18 Januari 2022 di klinik terdekat, selepas bergejala sejak 17 Januari 2022. Sebaik dikesan positif, kes indeks terus diasingkan. Susulan saringan kontak rapat dan saringan bergejala, seramai 14 orang lagi dikesan positif daripada 150 orang yang telah disaring menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Punca jangkitan masih dalam siasatan, walau bagaimanapun kemungkinan perebakan berlaku daripada aktiviti pergaulan pelajar ketika berada di asrama. Semua kes berada dalam kategori 1 dan 2 (bergejala ringan), telah diasingkan dan mendapat rawatan yang sesuai.
- iii **Kluster Puri Seberang Keningau - Keningau** merupakan kluster jenis institusi pendidikan melibatkan pelajar asrama di SMK Keningau 1. Kes indeks adalah perempuan, 18, pelajar Tingkatan 5 di SMK Keningau yang bergejala sejak 20 Januari 2022. Pihak sekolah yang dimaklumkan pada 26 Januari 2022 terus bertindak menjalankan saringan sendiri terhadap para pelajar asrama yang mempunyai gejala sama. Saringan pengesanan RTK Ag dijalankan mendapati 18 lagi kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 19 kes positif dalam kluster ini. Semua pelajar di dalam kategori 1 dan 2 (gejala ringan), dikuarantin dan telah menerima rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,743 unit

- Hospital 1,146 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.98%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 27 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	325
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	13
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
Jumlah	342

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Filipina	1
Singapura	2
Jepun	1
Turki	1
Indonesia	1
Sepanyol	1
Emiriah Arab Bersatu	1
Oman	2
Taiwan	1
Switzerland	1
Brunei	1
Jumlah	13

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	328
Bukan Malaysia	14
Jumlah	342

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	47
Belum Menerima Vaksin	26
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	220
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	49
Jumlah	342

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	14
6 to 11	30
12 to 17	55
18 to 25	63
26 to 59	152
>60	25
Jumlah	342

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 26 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,457 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,376 orang adalah penduduk dewasa dan 81 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 26 Januari 2022 adalah seramai 2,453,926 orang. Ini meliputi 2,116,704 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.74% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,832 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,091 orang atau 76.03% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,222 orang atau 77.70% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,741 atau 72.04% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **680,016** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,494 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 11 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Sembilan (9) Orang : Individu Berada Di Pusat Hiburan Melebihi Masa
 - Dua (2) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 199 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 55 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 855 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 287 premis perniagaan dan 334 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 287 Premis Perniagaan melibatkan 138 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 32 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 100 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Kudat	98.6%
3	Kinabatangan	98.5%
4	Semporna	98.4%
5	Kota Kinabalu	98.4%
6	Beaufort	98.4%
7	Lahad Datu	98.4%
8	Sandakan	98.3%
9	Papar	98.3%
10	Beluran	98.2%
11	Tuaran	98.2%
12	Tawau	98.2%
13	Sipitang	98.2%
14	Tenom	98%
15	Kota Belud	97.8%
16	Ranau	97.7%
17	Penampang	97.6%
18	Keningau	97.6%
19	Kota Marudu	97.6%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II